



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 7 DISEMBER 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	HEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	MAT SABU: PUTRAJAYA HAS GIVEN NOT FOR IMPORT OF EGGS TO MEET DOMESTIC DEMAND, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -1 & 13 BAWA BEKALAN DARI LUAR NEGARA, LOKAL, HM -5 IMPORT TELUR TANGANI ISU BEKALAN DI PASARAN, NASIONAL, BH -4 IMPORT TELUR PASTIKAN BEKALAN MENCUKUPI, DALAM NEGERI, UM -11 IMPORT TELUR ATASI ISU KURANG BEKALAN, NEGARA, KOSMO -3 BUKAN UMUM HARGA TELUR, NASIONAL, SH -9 MALAYSIA TO IMPORT CHICKEN EGGS FOR NOW, NATION, THE STAR -5 MINISTRY ACTS TO SOLVE EGG SHORTAGE, NEWS/NATION, NST -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFI)
9. 10. 11. 12.	BIG CLEAN-UP PLANNED TO ATTRACT SEA TURTLES TO LAY EGGS ON BEACHES, NEWS, THE STAR -4 REZEKI IKAN LAMPAM, TOMAN TEPI RUMAH, NEGARA, KOSMO -14 WARGA ASING KAUT HASIL LAUT PULAU PINANG, NASIONAL, SH -22 PERSATUAN NELAYAN HARAP JABATAN PERIKANAN MALAYSIA TIDAK BERI LESEN, NASIONAL, SH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15. 16. 17. 18.	HASIL PADI JOHOR MENINGKAT 30 PERATUS, NASIONAL, BH -19 HASIL PADI MENINGKAT 30.1 PERATUS, PERKASA SEKURITI MAKANAN NEGERI, NEGARA, KOSMO -7 PPK SEBERANG PERAK SAMBUT BAIK BANTUAN UNTUK PESAWAH, NASIONAL, SH -12 PESAWAH HARAP PERUNTUKAN RM60 JUTA TIDAK TIRIS, NASIONAL, SH -12 PESAWAH SETUJU SEKAT MONOPOLI BERAS, NASIONAL, SH -12 BUKAN BERNAS SAHAJA ISU MONOPOLI PERLU DISELESAI KERAJAAN, MUKA SEPULUH, BH -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Mat Sabu: Putrajaya has given nod for import of eggs to meet domestic demand		
MediaTitle	Malaysian Namban		
Date	07 Dec 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	1,13	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 791
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,374



வெளிநாடுகளிலிருந்து கோழி முட்டைகள் இறக்குமதி



புத்ராஜெயா, டிச. 7-
உள்நாட்டில் நிலவும் கோழி
முட்டைகள் தட்டுப்பாட்டு
பிரச்சினைக்கு தீர்வு
காண்பதற்காக வெளிநாடுகளி
லிருந்து முட்டைகளை

இறக்குமதி செய்வது குறித்து ஆராய்ந்து வருகிறோம்
என்று விவசாயம்-உணவு பாதுகாப்புத்துறை
அமைச்சர் முகமட் சாபு தெரிவித்தார்.

பக்கம்
13

Headline	Mat Sabu: Putrajaya has given nod for import of eggs to meet domestic demand		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	07 Dec 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	1,13	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 791
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,374

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

கோழி முட்டைகள்...

தற்போது சில வெளிநாடுகளை நாங்கள் கவனத்தில் எடுத்துக் கொண்டிருக்கிறோம். அங்கிருந்து முட்டைகளை கொண்டுவர முடிவு செய்திருக்கிறோம். இது ஒரு தற்காலிக தீர்வுதான் உள்நாட்டுச் சந்தையில் போதுமான அளவில் முட்டைகள் இருப்பது உறுதி செய்யப்படும் வரையில் தற்காலிகமாக முட்டைகள் இறக்குமதி செய்யப்படும். மலேசியர்கள் மத்தியில் கோழி முட்டை என்பது மிக பிரபலமான உணவாக இருக்கிறது. நாட்டில் மாதம் ஒன்றுக்கு 96 கோடியே 86 லட்சம் கோழி முட்டைகளை மக்கள் உண்பதாக புள்ளி விவரங்கள் காட்டுகின்றன. அதே சமயத்தில் வெளிநாடுகளிலிருந்து இறக்குமதி செய்யப்படும் முட்டைகள் மிகவும் பாதுகாப்பானதாக இருப்பது உறுதி செய்யப்படும் என்றும் அவர் கூறினார்.



BEBERAPA pelanggan membeli telur ayam di sebuah kedai pemborong di Bandar Seremban ketika tinjauan krisis bekalan telur ayam di pasaran, semalam.

Oleh Mahaizura Abd
Malik
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melaksanakan pelan jangka pendek dengan membawa masuk bekalan dari luar negara bagi menampung keperluan mendesak telur ayam dalam negara.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, pihaknya mengenali pasti beberapa sumber dari luar bagi menampung keperluan bekalan dalam negara dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan telur ayam di pasaran.

"Kementerian juga akan memastikan telur ayam yang diterima selamat daripada penyakit dan menepati piawaian yang ditetapkan.

"Segala protokol dan tatacara yang ditetapkan kerajaan perlu dipatuhi tanpa kompromi," katanya semalam.

Beliau berkata, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukan untuk menekan penguasaan industri telur ayam tempatan, sebaliknya bagi memastikan bekalan telur ayam dalam negara tidak

Bawa bekalan dari luar negara

Pelan jangka pendek tampung keperluan mendesak telur ayam di dalam negara



Kementerian juga akan memastikan telur ayam yang diterima selamat daripada penyakit dan menepati piawaian yang ditetapkan"

Mohamad

terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula selepas bekalan telur ayam kembali stabil.

"Saya juga meminta Ketua Setiausaha kementerian ini untuk melihat impak mengimport telur ayam dari sum-

menjamin bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif.

"Kementerian yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, beliau sudah berbincang dan mengarahkan beberapa langkah diambil terhadap isu bekalan telur yang dihadapi negara ketika ini.

Katanya, harga telur ayam yang lebih murah akan diumumkan Mohamad bagi mengurangkan kebergantungan bekalan telur kepada kartel.

Untuk rekod, purata penggunaan telur ayam rakyat Malaysia untuk tempoh sembilan dianggarkan 968 juta biji.

ber luar kepada industri telur ayam tempatan sedia ada dan Agrobank untuk mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal dan pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini," katanya.

Katanya, kementerian itu sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi

Import telur tangani isu bekalan di pasaran

Langkah jangka pendek, kajian semula selepas bahan asas kembali stabil

*Oleh Noor Aqilah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my*

Kuala Lumpur: Dalam usaha menampung keperluan pasaran tempatan pada harga yang lebih rendah, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengimport bekalan telur daripada beberapa negara sumbu yang sudah dikenal pasti dengan segera.

Menterinya, Mohamad Sabu, berkata itu antara langkah jangka pendek yang diambil kementerianya, selain akan memas-lamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

"Inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukan untuk menekan pengusaha industri tempatan, sebaliknya bagi

memastikan bekalan dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula selepas bekalan tempatan kembali stabil. Segala protokol dan tatacara yang ditetapkan kerajaan perlu dipatuhi tanpa kompromi," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam sidang media selepas mesyuarat pertama Kabinet, memaklumkan pihaknya sudah berhubung dengan Mohamad yang akan mengumumkan harga telur ayam yang lebih rendah, semalam.

Anwar berkata, langkah terbabit diharapkan dapat mengurangkan kebergantungan kepada kartel.

Bagaimanapun, dalam kenyataan dikeluarkan Mohamad semalam, langsung tidak menyebut mengenai harga telur ayam yang dijanjikan lebih rendah itu.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, Ketua Setiausaha kementerianya juga sudah diarah menilai kesan import terhadap industri telur ayam tempatan dan Agrobank akan mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal dan pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini.

Pelbagai pendekatan

"Kementerian sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi menjamin bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif. Kementerian yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Mengulas mengenai penggunaan telur ayam dalam pasaran tempatan, Mohamad berkata, telur ayam adalah makanan harian berprotein yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia dengan kadar purata penggunaan 968 juta biji telur ayam sebulan.

Sejak bulan lalu, media melaporkan negara berdepan kekurangan bekalan telur ayam. Pada 6 November lalu, Pengerusi Pasukan Khas Jihad Taungani Infiasi ketika itu, Tan Sri Annuar Musa menyifatkan isu itu berpuncu daripada kegiatan penyediaan negara jiran, iaitu Thailand.

Annuar berkata, kegiatan itu berlaku berikutan harga telur ayam dijual di Thailand itu lebih mahal berbanding di negara ini. Katanya, pada ketika itu bekalan telur ayam mengalami kekurangan lebih 100,000 biji sebulan.

Pada masa sama, ada laporan mendakwa pengeluaran bertaraf gergasi dalam industri telur ayam terbabit dengan kartel, walaupun kerajaan menaikkan subsidi kepada pengeluaran daripada tiga kepada lapan sen sebij berkuat kuasa Oktober lalu.

Bagaimanapun, pada 29 November lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof, menyifatkan dakwaan wujud kartel menyorok bekalan telur ayam sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sebagai tidak berasas.



Mohamad Sabu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Import telur pastikan bekalan mencukupi

PUTRAJAYA: Kerajaan mengenal pasti beberapa sumber dari luar sebagai menampung keperluan bekalan dalam negara dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan telur ayam di pasaran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, langkah itu merupakan pelan jangka pendek dan pada masa sama pihak kementerian akan memastikan telur ayam yang diterima selamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

Katanya, segala protokol dan tatacara yang ditetapkan kerajaan perlu dipatuhi tanpa kompromi.

“Inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukan untuk menekan pengusaha industri telur ayam tempatan, sebaliknya bagi memastikan bekalan telur ayam dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

“Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula setelah

bekalan telur ayam kembali stabil,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Keputusan itu dibuat selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengarahkan kementerian berkenaan menyelesaikan isu keberadaan telur di pasaran selain memastikan harga barang keperluan itu adalah rendah.

Keperluan bekalan telur ayam yang merupakan makanan sehari-hari berprotein popular dalam kalangan rakyat Malaysia dengan kadar penggunaan purata telur ayam sebanyak 968 juta biji sebulan.

Mohamad berkata, beliau turut meminta Ketua Setiausaha Kementerian untuk melihat impak mengimport telur ayam dari sumber luar kepada industri telur ayam tempatan sedia ada.

Katanya, ini termasuk Agrobank untuk mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal dan pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini.



PELANGGAN memilih telur ayam yang dihadkan dua papan bagi setiap keluarga ketika tinjauan di sebuah pasar raya di Selayang kelmarin. - FARIZ RUSADIO

Kerajaan pastikan sumber selamat, tepati piawai

Import telur atasi isu kurang bekalan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengenal pasti beberapa sumber dari luar bagi menampung keperluan dengan segera seterusnya memastikan bekalan telur ayam di pasaran terjamin.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, tindakan itu merupakan pelan jangka pendek yang diambil oleh kementeriannya bagi merujuk kepada kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung keterjaminan bekalan telur ayam dalam negara kelmarin.

"Kementerian menyedari keperluan bekalan telur ayam yang merupakan makanan popular dalam kalangan rakyat Malaysia dengan kadar penggunaan sebanyak 968 juta biji sebulan.

"Sehubungan itu, sebagai pelan jangka pendek, kementerian mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan telur ayam di pasaran," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohamad, pihaknya juga akan memastikan telur ayam yang diimport adalah selamat daripada sebarang penyakit selain menepati piawai dan



KERATAN Kosmo! 30 November 2021.

mematuhi protokol serta tatacara ditetapkan.

Jelas beliau, inisiatif membawa masuk telur ayam bukan untuk menekan pengusaha industri telur ayam tempatan, sebaliknya untuk memastikan bekalan tidak terputus dan untuk menjaga kebajikan rakyat.

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula setelah bekalan telur ayam kembali stabil," kata beliau.

Pada masa sama, Mohamad turut meminta Ketua Setiausaha kementeriannya untuk melihat impak atau kesan mengimport telur ayam dari sumber luar kepada industri telur ayam tempa-

tan sedia ada.

"Agrobank juga diminta untuk mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal dan pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini.

"Kementerian sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi menjamin bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif," katanya.

Tambah beliau, pihaknya yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak.

Kosmo! sebelum ini melaporkan mengenai kebimbangan para peniaga dan pengguna berhubung masalah bekalan telur ayam yang akan berterusan sehingga menjelang musim perayaan Aidilfitri pada tahun depan.

Bekalan telur khususnya gred A masih menjadi isu di seluruh negara dan memberi kesan termasuk kepada peniaga makanan.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang sebelum ini mendedahkan tindakan peladang yang terdesak menjual ayam penelur menjadi punca bekalan sumber makanan itu berkurangan di pasaran selain kos operasi yang 'tinggi', tetapi pulangan diterima pula adalah rendah.

Bukan umum harga telur

Menteri hanya umum langkah import telur bagi menampung bekalan pasaran

Oleh **MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID SHAH ALAM**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan telur ayam dalam negara dengan kadar segera untuk pelan jangka pendek.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar itu bukan untuk menekan pengusaha industri tempatan sebaliknya bagi memastikan bekalan dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

“Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula setelah bekalannya kembali stabil.

“Saya juga telah meminta ketua setiausaha kementerian untuk melihat impak mengimport dari sumber luar kepada industri telur ayam tempatan sedia ada dan Agrobank untuk mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal serta pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, Mohamad menambah, kementerianya juga sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi menjamin-bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif.

“Kementerian yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak,” ujarnya.

Ahli Parlimen Kota Raja itu juga



MOHAMAD SABU

memberi jaminan bahawa telur ayam yang diterima dari sumber luar itu selamat daripada penyakit dan mematu piawaian ditetapkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub sebelum ini mengakui bahawa negara sedang berdepan masalah ketiadaan telur di pasaran.

Katanya, ketiadaan stok mencetuskan keresahan kepada rakyat selain merencatkan pertumbuhan ekonomi kerana banyak kegiatan perniagaan memerlukan bahan mentah itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pertama kabinet memaklumkan pihaknya sudah berunding dan Mohamad akan mengemukakan harga telur ayam yang lebih rendah pada Selasa.

Bagaimanapun, dalam kenyataan yang dikeluarkan Mohamad tidak ada menyebut mengenai harga telur ayam yang dijanjikan lebih rendah itu.

Malaysia to import chicken eggs for now

PETALING JAYA: Malaysia will temporarily import chicken eggs as a stopgap measure to address the country's egg supply shortage until a long-term solution is decided, says Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu.

The short-term solution was vital to ensure the food security of Malaysians who consumed around 968 million chicken eggs monthly, he said in a Facebook post yesterday.

He added that several foreign sources had been identified and ensured that all imported egg sources would adhere to established safety standards.

He also assured local egg producers that the initiative was not designed to pressure them through competition but to prevent disruptions to the domestic egg supply.

He said the foreign imports would be reviewed once the domestic supply had stabilised.

He added that the ministry's secretary-general had been tasked with monitoring the impact of importing eggs from foreign sources on local markets and that Agrobank had been asked to advise local suppliers and entrepreneurs on how to remain competitive.

SHORT-TERM MEASURE

MINISTRY ACTS TO SOLVE EGG SHORTAGE

Mat Sabu says eggs will be imported to meet domestic demand

AUDREY DERMAWAN, SAMANTHA KUAN AND DINESHWARY MURUGAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

EGGs are a popular protein source among Malaysians, with 968 million eggs being consumed each month, prompting the government to source for supplies from outside to stabilise the country's egg stock.

Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu said as a short-term measure, the ministry had identified several outside sources to ensure adequate supply to meet domestic demand.

"The ministry will also ensure the imported eggs are free from diseases and meet the set standards.

"Government protocols and procedures must be adhered to without any compromise," he said yesterday.

The minister, however, said, the initiative to bring in eggs from outside sources was not intended to put any pressure on local egg producers.

"We are just making sure there will be no interruptions in the country's egg supply, and that the people's welfare is being taken care of.

"The ministry will review the



Checks for eggs supply at a supermarket in Kelana Jaya last month.
FILE PIC

initiative once the egg stock stabilises," he added.

Mohamad also instructed the ministry's secretary-general to look into the impact of imported eggs on the local egg producers.

"I have even asked Agrobank to come up with suggestions to help local suppliers and operators so that they remain competitive."

Meanwhile, the Consumers' Association of Penang (CAP) revealed that some traders were taking advantage of the egg shortage situation by selling lower grade fresh eggs as premium-grade eggs.

CAP president Mohideen Abdul Kader said they found some traders selling grade A and B eggs as premium AA grade eggs at 66 sen per egg.

For reference, grade A eggs have been set at 45 sen per egg and grade B eggs at 43 sen.

Mohideen urged the Domestic Trade and Cost of Living, as well as Agriculture and Food Security Ministries to resolve the chicken eggs supply shortage issue immediately.

Mohideen said most of the grocers and public markets claimed that it had been difficult for them to get their supply since two months ago. This had created concern on the supply shortage in the future.

He added that chicken eggs were the cheapest source of protein in the market.

"CAP's survey found that chicken eggs were still available at the public markets and grocery stores around Gelugor, Bayan Baru, Jelutong and Batu Lanchang.

"However, the grocers claimed that it was difficult for them to get their supply."



Nur Afifah (in blue headscarf) speaking to some of the volunteers during a beach clean-up activity in Pulau Sibul, Mersing.

Big clean-up planned to attract sea turtles to lay eggs on beaches

THE Johor Fisheries Department is planning a major clean-up programme around the islands off Mersing in February once the monsoon season ends.

Sultan Iskandar Marine Park Resource Management and Protection chief Nur Afifah A. Rahman said the programme was part of the department's effort to attract sea turtles to lay eggs on the island and beaches in Mersing.

"The mating season is usually between March and October, so we want to increase chances of sea turtles coming to our shores to lay eggs.

"To do this, we are planning a mass clean-up effort on beaches and islands surrounding Mersing so that it does not obstruct sea turtles from coming ashore," she said when contacted.

Nur Afifah said the high tide would wash ashore debris onto the beaches at the end of the north-east monsoon season.

"So we need to act fast and start cleaning up the beaches in February so by March, we can see if our effort in attracting turtles is successful," she said, adding that it was also in line with the department's sea turtle conservation effort.

The department would also be conducting a clean-up on landing buoys surrounding the

islands in Mersing, she added.

"These landing buoys are placed so that boats, especially those carrying visitors for island hopping activities, do not damage our reef when anchoring but are instead tied to the buoy," she explained.

Meanwhile, Reef Check Malaysia (RCM) Mersing programme manager Nazirul Amin Azmi said the beaches facing the South China Sea were often affected by monsoon debris.

"Our clean-up work is pretty straightforward as we collaborate with other associations and government agencies to cover more areas in Mersing.

"It usually takes about two days to clean a 100m beach stretch," he said, adding that the most commonly affected areas were in Pantai Mersing and Pantai Air Papan.

Nazirul shared that RCM's clean-up programme would also start in February and continue until the next monsoon season.

"We usually wait for the monsoon season to be over because it consumes a lot of resources to carry out a clean-up programme at the same place every day.

"Rubbish collected is sent to the waste management services company," he said, adding that the waste would also be separated and those that could not be recycled would then be sent to the landfill.

Rezeki ikan lampam, toman tepi rumah

RANTAU PANJANG – Biarpun rumah ditenggelami banjir akibat limpahan air Sungai Golok, namun rata-rata penduduk di tiga buah kampung di sini meraih rezeki terpijak apabila dapat menangkap pelbagai jenis ikan air tawar di tepi rumah.

Penduduk di Kampung Tersang, To'Deh dan Bendang Perol hanya menggunakan jala, bubu, pukot dan joran untuk menangkap ikan lampam, toman galang selain ikan ubi di kawasan rumah mereka.

Seorang penduduk, Afif Jazimin Ibrahim, 30, berkata, biarpun kusut dengan keadaan rumah, namun bersyukur dengan rezeki diperolehi pada musim banjir apabila bubu yang ditahan di kawasan rumahnya dapat menahan ikan lampam.

"Setiap kali air Sungai Golok melimpah, saya pasti akan menahan bubu menangkap ikan air tawar menggunakan bubu.

"Bubu ini diletakkan di tepi rumah kira-kira empat hari lalu

dan diangkat setiap hari apabila paras air sungai surut," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Tersang semalam.

Menurut Afif Jazimin, dia mampu memperoleh kira-kira 10 ekor lampam setiap hari di dalam bubu yang ditahannya.

Katanya, ikan air tawar merupakan makanan utama penduduk di Rantau Panjang terutamanya musim tengkujuh kerana ia mudah diperolehi.

"Sekiranya mendapat banyak ikan air tawar terutamanya lampam, saya akan menjualnya pada harga RM20 sekilogram.

"Kebiasaannya, hasil tangkapan hanya dijadikan lauk asam pedas untuk hidangan ahli keluarga," katanya.

Menurut Afif Jazimin, meskipun rumah dinaiki air akibat limpahan Sungai Golok, aktiviti menangkap ikan air tawar sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kebimbangan dah mengisi masa lapang.



AFIF JAZIMIN menunjukkan ikan lampam yang ditangkap berhampiran rumahnya di Kampung Tersang, Rantau Panjang semalam.

MASALAH nelayan Rohingya mendominasi laut di Pulau Pinang terutamanya di Teluk Kumbar, Bayan Lepas bukan masalah baharu.

Majoriti warga asing ini datang dari Kedah dan tidak memiliki kelulusan untuk bekerja dalam mana-mana sektor menyebabkan mereka memilih untuk bekerja sebagai nelayan.

Tidak kisah tentang bayaran, mereka mampu untuk bekerja lebih masa dengan upah yang tidak seberapa oleh pemilik bot menyebabkan perahi lebih suka berurusan dengan mereka.

Walaupun pihak berkuasa kerap melaksanakan operasi dalam mengekang nelayan asing tanpa permit ini, kehadiran mereka masih ramai sehingga menggugat pendapatan nelayan tempatan.

Ikuti laporan Syahratulhuda Mohamad Rosli dan Mond Iskandar Othman yang memebual beberapa nelayan dan perisetan nelayan mengenai isu tersebut di Pulau Pinang.

Warga asing kaut hasil laut Pulau Pinang



ROSLIZAN



IBRAHIM

mun semakin lama akhirnya mereka berkampung di sini.

"Ketika mula-mula datang, mereka ini bekerja dengan pemilik bot. Mereka diberi upah, selepas itu mereka sewa sampan dan sekarang kebanyakan mereka sudah memiliki sampan sendiri. Sekurang-kurangnya seorang nelayan Rohingya dikatakan mempunyai dua buah sampan.

"Bayangkan jika jumlah mereka lebih 200 orang, berapa sampan yang ada di situ. Kehadiran mereka ini menyebabkan pendapatan kami sebagai nelayan tempatan kami merosot," katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Bahkan, ada di antara mereka memiliki bot mempunyai enjin berkuasa tinggi yang membolehkan mereka menangkap ikan di kawasan yang lebih jauh.

Sementara itu, Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Roslizan Ramli berkata, kehadiran nelayan Rohingya di Teluk Kumbar bukan perkara baru dalam kalangan penduduk dan nelayan tempatan sejak lebih 10 tahun lalu.

Beliau berkata, adalah menjadi cabaran untuk dirinya yang juga nelayan serta puluhan nelayan lain di Teluk Kumbar untuk bersaing dengan nelayan asing itu.

"Dulu mereka tak ramai sangat macam sekarang. Hanya ada 20 buah sampan, tetapi kini ia bertambah menjadi antara sehingga 100 buah. Nelayan di sini berasa sangat tidak selsa dengan kehadiran



nelayan pelarian ini.

"Bukan sahaja menjadi nelayan, mereka juga membawa keluarga mereka ke sini menyebabkan etnik Rohingya di perkampungan nelayan dan Flat Sahabat di Teluk Kumbar kini bertambah hampir 500 buah keluarga," katanya.

Kata beliau, keadaan semakin meruncing apabila ada perahi sanggup melabur puluhan ribu ringgit untuk mendapatkan hasil laut.

"Kebanyakan perahi tidak peduli dengan siapa mereka berurusan, nelayan tempatan atau asing asalkan mereka dapat hasil.

"Nelayan asing ini tidak mempunyai lesen dan permit perikanan yang sah tetapi bebas menangkap ikan di perairan negeri ini.

"Bila lapor, kena tahan dan diambil tindakan, mereka akan lari balik ke

Langkawi. Selepas itu, datang semula ke sini," katanya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan Mazlan Abdul, 54, berkata, kebanyakan pemilik sampan rakyat tempatan menjadi api dalam sekam yang menyebabkan nelayan warga asing bermaharajalela di perairan negara.

Menurutnya, banyak nelayan warga asing terutamanya Rohingya tidak lagi menghiraukan peraturan disebabkan lampu hijau diberikan oleh nelayan tempatan yang tidak bertanggungjawab.

"Ada dalam kalangan mereka akan jadi lagi kurang ajar dan berani langgar pukat nelayan tempatan.

"Mereka tak peduli asalkan dapat mengaut hasil laut kita," katanya.

Tambahnya, dengan keadaan hasil laut yang semakin berkurangan ia amat memberi kesan kepada nelayan tempatan.

GEORGETOWN - Kehadiran nelayan warga Rohingya di Pulau Pinang terutamanya di Teluk Kumbar dan Bayan Lepas telah menjejaskan lebih 50 peratus pendapatan nelayan tempatan.

Ini berikutan, dengan jumlah mereka yang semakin ramai selain bebas menangkap ikan di semua lokasi menyebabkan nelayan tempatan terpaksa bersaing dengan mereka.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara), Ibrahim Che Ros berkata, kehadiran lebih 200 nelayan Rohingya di Pulau Pinang mencetuskan kekusaran kepada semua nelayan tempatan kerana nelayan asing itu tidak kira tempat untuk menangkap hasil laut.

Menurutnya, walaupun operasi kerap diadakan oleh pihak berkuasa, ia dilihat seolah-olah tiada penyelesaian terhadap masalah tersebut.

"Memang jumlah mereka semakin ramai terutamanya di Teluk Kumbar. Mereka ini datang dari Bukit Malut, Langkawi. Mula-mula yang datang tidak ramai, na-

Persatuan nelayan harap Jabatan Perikanan Malaysia tidak beri lesen

GEORGETOWN - Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang, Arshad Omar mengharapkan pihak berkuasa tidak mengeluarkan lesen kepada nelayan Rohingya yang semakin ramai di negeri ini.

Menurutnya, pihak persatuan telah menulis surat sebanyak dua kali kepada pihak berkuasa mengenai kebanjiran nelayan asing yang menggugat pendapatan nelayan di Pulau Pinang.

"Kita telah menulis surat kepada Pasukan Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang dan Jabatan Perikanan Malaysia mengenai perkara ini.

"Pihak berkuasa mengambil maklum dengan masalah ini dan kita akui, dengan aduan yang dibuat, pihak berkuasa telah giat menjalankan operasi untuk menahan nelayan asing tanpa permit ini.

"Selain itu, kita juga membuat aduan kepada Pejabat

Daerah dan Tanah Barat Daya mengenai penempatan warga Rohingya yang semakin ramai terutamanya di Teluk Kumbar," katanya.

Dalam pada itu, Ibrahim turut bersetuju dengan Arshad yang memohon agar pihak berkuasa lebih tegas dalam menangani masalah nelayan asing ini.

"Pen Mutiara berharap agar pihak berkuasa lebih kerap menjalankan operasi untuk menahan mereka ini. Kami berhadapan dengan beberapa masalah yang bakal menimpa iaitu projek tampakan laut, *Penang South Islands (PSI)*.

"Ditambah pula dengan persaingan nelayan asing ini, bertimpa-timpa lah masalah kami. Oleh itu, saya berharap agar kerajaan yang baru dibentuk ini melihat isu yang dihadapi nelayan di Pulau Pinang



ARSHAD

khususnya yang berkaitan dengan nelayan asing dan *PSI*," katanya.

Mengulas mengenai *PSI*, Ibrahim berkata, Pen Mutiara menggesa agar projek tersebut dibatalkan kerana ia juga akan menjejaskan pendapatan nelayan di seluruh Pulau Pinang.

Menurutnya, sekiranya projek tersebut diluluskan, ia akan merosakkan alam sekitar secara kekal yang mana, di kawasan selatan Pulau Pinang, ia merupakan kawasan berteluk yang menjadi habitat ikan membiak.

"Seluruh nelayan Pulau Pinang menolak projek ini daripada mula lagi kerana secara jelas akan menyebabkan kerosakan kekal.

"Kawasan yang bakal ditambah merupakan lubuk pelbagai spesies ikan dan hidupan laut antaranya kembung, senangin, udang, ketam dan banyak lagi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Hasil padi Johor meningkat 30 peratus

Hasil padi di Johor meningkat 30 peratus pada musim menuai utama bagi tempoh 2021 hingga 2022, berbanding tempoh pengeluaran 2020 hingga 2021.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata hasil tanaman meningkat daripada 4,746 tan kepada 6,225 tan.

Beliau berkata, pada 2021, purata hasil dan pengeluaran sawah di Johor ialah 3.683 tan dan nilai puratanya melepasi purata standard kebangsaan yang ditetapkan iaitu 3.2 tan.

“Sawah padi di negeri ini lebih kecil berbanding Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan mahupun Terengganu.

“Bagaimanapun tumpuan kerajaan negeri Johor untuk mewujudkan *Southern Rice Bowl* di negeri itu tetap menjadi keutamaan demi jaminan bekalan makanan.

“Kini Johor memiliki 10 sawah padi seluas 2,254 hektar,” katanya.

Hasil padi meningkat 30.1 peratus, perkasa sekuriti makanan negeri

ISKANDAR PUTERI - Johor telah meningkatkan hasil pengeluaran sawah padi negeri sebanyak 30.1 peratus tahun ini iaitu sebanyak 6,225 tan berbanding 4,746 tan tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, kejayaan itu selari dengan Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor menerusi inisiatif 'Periuk Nasi Selatan'.

Menurutnya, peningkatan itu disebabkan komitmen petani dalam pengurusan sawah yang lebih teratur dan sistematik, serta pelaksanaan insentif projek pembangunan sawah padi.

"Keluasan sawah padi di Johor adalah kecil jika dibandingkan dengan negeri yang mempunyai kawasan jelapang padi seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

"Namun kerajaan negeri tetap menjadikan agenda pembangunan 'Periuk Nasi Selatan' sebagai keutamaan dalam Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor," katanya dalam sesi perbahasan Sidang Dewan Undangan



KERAJAAN Negeri Johor dalam usaha membangunkan inisiatif 'Periuk Nasi Selatan' bagi menjamin sekuriti makanan di negeri tersebut.

- GAMBAR HIASAN

Negeri (DUN) Johor semalam.

Beliau berkata demikian dalam ketika menjawab soalan Selamat Takim (BN-Sungai Baling) berhubung perancangan kerajaan negeri menjadikan sawah padi sebagai satu aspek dalam sekuriti makanan di Johor.

Tambah Zahari, Johor mempunyai sepuluh kawasan tanaman sawah padi dengan keluasan keseluruhan 2,254.39 hektar.

"Ia meliputi Tangkak (lima sawah, 842.97 hektar); Muar (satu

sawah; 364.22 hektar); Mersing (dua sawah; 549.38 hektar); Batu Pahat (satu sawah; 141.70 hektar) dan Kluang (satu sawah; 356.12 hektar) membabitkan jumlah pesawah seramai 875 orang.

"Pada 2022, Jabatan Pertanian Johor telah melaksanakan program insentif peningkatan hasil padi menerusi enam program dengan jumlah keseluruhan RM3.2 juta kepada pesawah, sama ada secara individu atau berkelompok," ujarnya.

PPK Seberang Perak sambut baik bantuan untuk pesawah

IPOH - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seberang Perak menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memperuntukkan RM10 juta dan RM50 juta bagi membantu pesawah di negara ini.

Pengerusinya, Mohd Zamhuri Abidin berkata, usaha membantu golongan pesawah yang berpendapatan rendah amat dialu-alukan namun perlu dilaksanakan secara telus serta menyeluruh.

Jelas beliau, pada masa sama kerajaan juga diharapkan melihat beberapa perkara lain yang turut memberi kesan kepada pendapatan golongan pesawah.

"Pengumuman itu memang sangat baik cuma kita mahu takrifan pesawah miskin itu diperhalusi dengan jelas siapa sebenarnya layak menerima. Mungkin semua petani yang kurang pendapatan layak menerima bantuan diumumkan itu.

"Selain bantuan ini, monopoli import beras juga perlu dihindarkan bagi mengelak berlaku tambahan beras di

negara ini sekali gus menjajaskan pendapatan pesawah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Zamhuri berkata, subsidi baja dan racun padi juga perlu dikaji semula kerana harga bahan-bahan tersebut kian meningkat ketika ini.

Menurutnya, harga baja dan racun yang tidak menentu membebankan petani sekali gus mengganggu produktiviti tanaman.

Jelas beliau, PPK Seberang Perak merupakan antara PPK yang membuat pembelian padi sehingga 9,000 tan metrik bagi satu musim dan melibatkan keluasan usaha hasil padi sebanyak 4,000 hektar.

Pada Isnin, Anwar mengumumkan bahawa tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary bersetuju untuk memperuntukkan RM10 juta untuk tahun ini dan RM50 juta pada tahun hadapan kepada golongan pesawah miskin.

Jelasnya, persetujuan itu dicapai susulan teguran beliau bernubung permasalahan monopoli import beras di negara ini.



MOHD ZAMHURI

Pesawah harap peruntukan RM60 juta tidak tiris

KOTA BHARU - Para pesawah di negeri ini mengharapkan kerajaan dapat memastikan peruntukan RM60 juta kepada petani padi miskin disalurkan tepat kepada golongan sasar itu tanpa berlaku ketirisan.

Pesawah, Mohamed Mustafa, 61, berkata, perkara itu amat wajar dipastikan oleh kerajaan supaya peruntukan sampai dan benar-benar membela nasib petani miskin.

"Sangat sangat bersetuju dengan penyaluran peruntukan ini walaupun bukan datang terus dari pihak kerajaan.

"Harap sampai semua kepada petani miskin. Jangan ada ketirisan tengah-tengah jalan atau jatuh ke tangan kroni," katanya ketika dihubungi di sini pada Selasa.

Menurutnya, kerajaan juga perlu memperhalusi petani-petani padi yang layak menerima peruntukan itu misalnya mereka yang mengusahakan padi di tanah seluas kurang daripada dua hektar hingga empat hektar.

"Petani-petani kecil ini hanya cukup-cukup makan sahaja dan memerlukan belanjawan untuk pusingan modal musim menanam padi yang seterusnya," katanya yang mengusahakan tanaman padi di Kampung Alor Ganu, Bachok.

Seorang lagi pesawah, Abdullillah Mamat berkata, peruntukan diberi itu akan mem-

bantu meringankan tanggungan petani yang terbeban dengan pelbagai kos pengurusan tanaman sumber makanan ruij itu.

"Kerajaan ada memberikan pelbagai subsidi kepada petani seperti baja dan racun rumpai, namun ia tidak mencukupi serta terpaksa ditambah sendiri oleh para petani.

"Ada yang perlu dibeli sendiri misalnya racun rumpai tambahan yang berharga RM150 bagi lima liter yang meningkat berbanding RM50 bagi liter yang sama pada tahun lalu," ujarnya.

Pesawah, Mat Junoh Daud, 42, pula berharap kerajaan sekarang meneruskan cadangan untuk menyalurkan bantuan kepada pesawah berjumlah RM200 sebulan bagi tempoh enam bulan sementara menunggu hasil tuaian padi seperti yang diumumkan oleh Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 18 Mei lalu semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

"Setahun ada dua musim padi dan setiap musim memerlukan lima bulan sebelum petani menuai hasil.

"Dalam tempoh itu, mereka memerlukan wang untuk berbelanja dan eloklah dipraktikkan bantuan bulan kepada para pesawah semasa menunggu hasil padi sekali gus meringankan beban mereka," ujarnya.



MAT JUNOH

Bagaimanapun kerajaan masih perlu fikirkan penyelesaian jangka panjang seperti menubuhkan semula LPN bagi kawat selia industri itu

ALOR SETAR

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak lagi akan mengizinkan monopoli import beras terus berlaku di negara ini.

Pengerusi Pesawah, Mohd Fuad Yaacob berkata, bagaimanapun kerajaan masih perlu memikirkan penyelesaian jangka panjang seperti menubuhkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sebagai badan yang mengawal selia industri itu di negara ini.

Menurutnya, persetujuan Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary untuk memperuntukkan RM10 juta kepada pesawah bagi tahun ini dan RM50 juta pada tahun hadapan juga disambut baik namun lebih bersifat penyelesaian jangka masa pendek.

"Kita setuju (keputusan PM) tapi untuk

jangka masa panjang Pesawah men cadangkan agar diwujudkan semula LPN yang sebelum ini ditubuhkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein untuk membantu petani.


"Semasa LPN mahu di swastakan ramai petani yang membantah kerana banyak memberi kesan kepada golongan ini.

"Pesawah mahu kerajaan mengkaji untuk mewujudkan semula LPN selain menilai kembali Syarikat Padi dan Beras Nasional Malaysia (Bernas) sebagai entiti perniagaan swasta yang lebih kepada kepentingan komersial dan keuntungan saja," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bekas berkata demikian bagi mengulas keputusan kerajaan yang akan menghentikan monopoli import beras seperti diumumkan Anwar selepas memengerusikan Mesyuarat Kabinet Pertama Kerajaan Perpaduan di Putrajaya pada Isnin.

Jelas Mohd Fuad, industri padi perlu diberikan perhatian oleh kerajaan ter-

Pesawah setuju sekat monopoli beras



Industri padi perlu diberikan perhatian oleh kerajaan terutama dalam menarik minat orang muda untuk mengusahakannya.

utama dalam menarik minat orang muda untuk mengusahakannya.

"Tanam padi ini adalah kerja warisan turun-temurun. Sekarang ramai yang mengusahakannya adalah warga emas walaupun masih ada segelintirnya adalah

orang muda tetapi tidak ramai.

"Kerajaan perlu bantu untuk menarik minat golongan belia untuk menceburi industri padi ini kerana mereka melihat pekerjaan ini tidak memperoleh untung besar," ujar beliau.

Bukan BERNAS sahaja isu monopoli perlu diselesai kerajaan

• Adakah kerajaan ada kuasa jelas ke atas firma monopoli terkawal kerana ia bukan sekadar bersangkut isu harga dan kecukupan bekalan tetapi juga pemilikan dan terma lain termasuk perkongsian keuntungan

• Monopoli terkawal amat terdedah kepada tingkah laku dan campur tangan keputusan tidak bertanggungjawab, kecenderungan mengaut untung dengan keputusan dicemar kepentingan peribadi



Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM) dan Sarjana Fulbright di Kennedy School, Universiti Harvard

Oleh Prof Tan Sri Noor Azian Ghazali
bhrencana@bh.com.my

Isu monopoli Syarikat Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) dibincang pada Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pertama, kelmarin dan kerajaan berpandangan BERNAS perlu mengambil tanggungjawab pembangunan sosioekonomi dengan lebih besar dan berkesan pada masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan BERNAS bersedia menyumbang RM10 juta tahun ini dan RM50 juta tahun depan untuk petani miskin. Sementara itu kerajaan akan meneliti keuntungan BERNAS sebelum membuat keputusan selanjutnya.

Pada akhir 2020, kerajaan menyambung konsesi BERNAS sebagai pengimport dan pengecer tunggal beras negara buat kali ketiga selama 10 tahun mulai 11 Januari 2021 sehingga 10 Januari 2031. Terma perjanjian dikemaskini serta penambahan tanggungjawab sosial untuk BERNAS.

Istilah monopoli sering menggambarkan struktur persaingan tidak sihat. Dalam suasana tanpa kawalan, firma monopoli mempunyai kuasa mutlak menentukan harga dan bekalan memaksimumkan keuntungan firma.

Firma monopoli lazimnya melaksanakan diskriminasi ke atas pembeli iaitu mengenakan harga berbeza kepada segmen pengguna berbeza mengikut keanjalan permintaan pengguna terhadap perubahan harga. Oleh kerana pembeli tidak mempunyai pilihan lain, maka mereka terpaksa membayar harga lebih tinggi membebankan.

Walaupun struktur monopoli (tanpa kawalan) membolehkan firma mengaut untung berlebihan dengan harga menindas pengguna, struktur monopoli mempunyai kewajaran ekonomi dibenarkan untuk wujud.

Terdapat produk atau perkhidmatan memerlukan skala pelaburan dan permintaan besar bagi membolehkan sesebuah firma mengeluarkannya tanpa mengalami kerugian. Industri ini secara semula jadi tidak boleh menampung lebih daripada satu pengeluaran.

Terdapat juga kewajaran ekonomi membenarkan kewujudan firma monopoli berdasarkan kepentingan strategik produk atau perkhidmatan berkaitan. Dalam dua konteks ini, skala pengoperasian dan kepentingan strategik, lazimnya kerajaan secara terancang akan membenarkan kewujudan firma 'monopoli terkawal' beroperasi.

Firma monopoli ini dikawal, tertakluk kepada terma tertentu bagi memastikan kuasa monopolistik ini tidak dimanipulasi dan menindas pengguna. Kerajaan mempunyai kuasa ke atas penentuan harga atau caj dikenakan dan juga bekalan ditawarkan.

Dalam kes monopoli terkawal ini, kerajaan membenarkan sebuah monopoli beroperasi dan akan meletakkan syarat tertentu di dalam perjanjian dengan firma monopoli dibenarkan. Sebagai contoh mudah, penghasilan tenaga elektrik.

Hanya dengan pelaburan dengan skala pengoperasian dan permintaan besar, penghasilan tenaga elektrik dapat dihasilkan dengan efisien dan menguntungkan. Oleh yang demikian hanya Tenaga Nasional Berhad (TNB) diwujudkan untuk beroperasi secara monopoli.

Keuntungan adalah penting bagi memastikan firma monopoli ini dapat terus beroperasi dengan mampan, meningkatkan kapasiti dan mencapai tahap pengeluaran efisien. Namun bagi memastikan TNB tidak memanipulasikan kuasa monopoli diberi, caj dikenakan tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

Alasan sama digunakan untuk BERNAS ketika ia ditubuhkan bagi menggantikan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) pada 1996. Beras mempunyai kepentingan strategik sebagai makanan perlu rakyat Malaysia. Bekalan beras mencukupi perlu dijamin kewujudannya, maka BERNAS ditubuhkan sebagai firma monopoli dipertanggungjawabkan.

Kedua-dua contoh ini, TNB dan BERNAS adalah firma monopoli terkawal dibenarkan kerajaan berdasarkan kewajaran ekonomi sah. Persoalan utama seharusnya di bincangkan Kabinet ialah tatacara kerajaan mengurus monopoli terkawal ini.

Laksana terma dipersetujui

Adakah kerajaan mempunyai kuasa jelas ke atas pengoperasian firma monopoli terkawal ini kerana ia bukan bersangkut kepada isu harga dan kecukupan bekalan tetapi juga pemilikan dan terma lain berkaitan, termasuk perkongsian keuntungan untuk tujuan pembangunan industri dan sosial, sekiranya ada.

Selain itu, agensi kerajaan manakah bertanggungjawab bagi memastikan monopoli terkawal ini melaksanakan semua terma dipersetujui, memantau dan melaporkan keberkesanan matlamat membenarkan monopoli terkawal.

Sekiranya teguran Perdana Menteri menyebabkan BERNAS bertindak, ini menggambarkan kerajaan seolah tidak berupaya mengurus monopoli terkawal ini dengan berkesan. Adakah sumbangan balik keuntungan BERNAS sebagai terma khusus dan terperinci perlu dipatuhi monopoli terkawal ini?

Berdasarkan pengumuman Perdana Menteri, seolah-olah ia bersifat adhoc, tidak dinyatakan dengan

jelas tetapi lebih kepada harapan supaya keuntungannya dikongsi dengan petani padi. Namun, bagaimana soal perkongsiannya. Berapakah jumlahnya, melalui siapa dan untuk tujuan apa. Semua ini perlu diperjelaskan.

Bagaimana RM10 juta dan RM50 juta dipersebut? Adakah ia hanya berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) ditentukan BERNAS? Kita perlu berhati-hati, tanpa perincian dan matlamat jelas, ia sekali lagi terdedah kepada salah laku integriti.

Penegakan Perdana Menteri supaya tiada pihak mengaut untung di tengah jalan memerlukan perincian dan pelaksanaan tatakelola khusus.

Secara berkala, keputusan membenarkan monopoli terkawal beroperasi perlu dinilai semula. Matlamat untuk mewujudkan persaingan sihat dan adil seharusnya menjadi ketetapan untuk semua industri.

Monopoli terkawal ini amat terdedah kepada tingkah laku dan campur tangan keputusan tidak bertanggungjawab, kecenderungan mengaut untung dengan keputusan dicemar kepentingan peribadi. Campur tangan individu berkuasa mempengaruhi keputusan firma monopoli terkawal di semua peringkat rantaian bekalan mesti dihalang tadbir urus sempurna.

Kerajaan wajar mengangkat perkara ini sebagai satu dasar ekonomi negara lebih komprehensif, bukan hanya dalam kes BERNAS. Yang lebih merisaukan ialah kewujudan monopoli tidak dikawal, terselindung dengan pembentukan kartel dan pakatan perniagaan.

Kerajaan perlu menasarkankan pembangunan pasaran dan industri sihat dan adil untuk semua sektor. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan perlu duduk bersama memastikan tahap persaingan optimum dicapai di setiap peringkat rantaian pengeluaran dan bekalan, dari pengeluar bahan mentah, pemrosesan, pengedaran dan peruncitan.

Kementerian lain yang terlibat dengan kawalan barangan dan perkhidmatan juga perlu melaksanakan perkara sama, semua sektor. Maklumat terperinci diperlukan untuk setiap sektor di sepanjang rantaian pengeluaran.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) perlu diperkasakan untuk berfungsi dengan lebih berkesan. Tiada ruang untuk sesiapa memanipulasi kuasa perniagaan bersifat monopolistik. Pembentukan kartel secara rasmi atau sulit dan sebarang pakatan perniagaan pemilik persatuan pemilik perniagaan dalam penentuan harga serta perlu dihalang dan dikenakan penalti bagi menghindari ia berulang.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH